

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1600, Ahad, 14 Disember 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PELAKSANAAN BANCI EKONOMI 2026 DI DAERAH SABAK BERNAM, NEGERI SELANGOR

DISEMBER 2025

BANCI EKONOMI 2026: MEMPERKUKUH DATA PMKS DAN EKONOMI INFORMAL SABAK BERNAM

SELANGOR, 14 DISEMBER 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan bahawa Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) akan dilaksanakan di seluruh negara mulai Februari hingga Oktober 2026. Pemakluman ini turut disampaikan bersempena pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI Jabatan Perangkaan Malaysia di Kampung Baharu, Sabak Bernam, yang menjadi platform penting bagi meningkatkan libat urus bersama komuniti tempatan dan memperkukuh kesedaran mengenai kepentingan penyediaan data ekonomi negara. BE 2026 merupakan banci keenam sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2001 dan menjadi sumber utama dalam penghasilan statistik struktur ekonomi negara yang merangkumi semua aktiviti ekonomi termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pertubuhan perniagaan, pertubuhan tidak berasaskan keuntungan serta sektor informal.

Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 ini bertujuan mengumpulkan maklumat komprehensif mengenai prestasi dan struktur ekonomi negara bagi tahun rujukan 2025. Melalui liputan menyeluruh ke atas semua sektor ekonomi, banci ini akan memberikan gambaran tepat mengenai tahap aktiviti ekonomi, produktiviti, guna tenaga, pelaburan, pendapatan serta corak perbelanjaan perniagaan.

Dapatan banci ini menjadi input utama kepada pelbagai dasar dan agenda negara termasuk **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)**, **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)**, agenda **Ekonomi Digital, IR4.0**, dasar fiskal dan monetari, serta pelan pemerkasaan PMKS dan Bumiputera. Data ini membantu menilai keberkesanan dasar sedia ada, selain mengenal pasti hala tuju baharu untuk pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Maklumat komprehensif daripada BE 2026 diperlukan bagi mengenal pasti sektor berpotensi tinggi dan aktiviti ekonomi baharu yang sedang berkembang pesat seperti teknologi digital, IoT dan IR 4.0, e-dagang, ekonomi platform, bioteknologi, tenaga boleh baharu, rantai industri minyak dan gas (OGSE), aktiviti berkaitan MRO dan MRS serta pelbagai segmen inovasi dan kreatif.

Banci ini turut memberi tumpuan kepada landskap ekonomi baharu termasuk **perkhidmatan jarak jauh, platform gig, dan aktiviti perniagaan mikro serta bergerak**. Buat pertama kalinya, BE 2026 akan turut merangkumi sektor informal seperti penjaja makanan, kedai runcit kecil, pengusaha teksi, homestay, pusat tuisyen dan pelbagai perniagaan kecil yang menyumbang signifikan kepada ekosistem ekonomi setempat.

Banci ini berperanan sebagai penanda aras baharu (*rebasing*) kepada penyusunan statistik ekonomi negara seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut sektor dan industry, Jadual *Input-Output* (IO) dan pelbagai indeks utama industri dan harga. Selain itu, banci ini akan mengemas kini siri statistik sedia ada termasuk nilai ditambah, guna tenaga, pelaburan, perbelanjaan modal dan struktur perbelanjaan sektor ekonomi. Statistik baharu juga akan dihasilkan selaras dengan perubahan lanskap ekonomi termasuk tahap digitalisasi, automasi, penggunaan teknologi hijau, keselamatan siber serta amalan kelestarian.

Berdasarkan rekod terkini iaitu daripada *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR), BE 2026 dijangka meliputi 1.22 juta pertubuhan di peringkat Nasional. Rekod terkini negeri Selangor pula adalah sebanyak 308 ribu pertubuhan yang terdiri daripada **pertubuhan mikro (74.1%)**, **pertubuhan kecil (24.6%)**, **pertubuhan sederhana (1.5%)** dan **pertubuhan besar (4.7%)**. Dari segi pecahan mengikut sektor pula Perkhidmatan unggul peratus tertinggi iaitu sebanyak 83.8% (258,909), diikuti sektor Pembinaan, 8.6% (26,512), sektor Pembuatan, 6.6% (20,343), Pertanian 0.8% (2,454) dan sektor Perlombongan & Pengkuarian 0.2% (643).

Sabak Bernam merupakan daerah luar bandar utama di utara Selangor dengan ekonomi yang berteraskan pertanian, perikanan serta perusahaan kecil dan mikro. Struktur perniagaan daerah ini didominasi oleh PMKS, khususnya pertubuhan mikro, dengan tumpuan aktiviti tertinggi di kawasan **Sungai Besar** dan **Sekinchan** yang menjadi pusat komersial setempat. Berdasarkan rekod awal Banci Ekonomi 2026, daerah merekodkan **213 pertubuhan sektor informal** termasuk penjaja, kedai runcit kecil dan perniagaan berasaskan komuniti, selain **90 pengusaha homestay** yang menyokong pengembangan agro-pelancongan tempatan.

Industri tumpuan Sabak Bernam merangkumi pemprosesan makanan, khususnya **industri kerepek dan produk makanan ringan** yang banyak beroperasi di sekitar Sungai Besar, Parit Baru dan Sekinchan. Ekosistem perniagaan setempat turut disokong oleh rangkaian pasar utama dengan **7 pasar awam yang menempatkan 635 outlet**, menjadikan daerah ini antara pusat hasil tani, makanan laut dan produk agro yang aktif di negeri Selangor. Gabungan aktiviti formal dan informal ini

menjadikan Sabak Bernam kawasan signifikan dalam BE 2026, khususnya dari perspektif pembangunan luar bandar dan pemeraksanaan ekonomi mikro.

Banci ini akan menggunakan *Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2025* yang baharu diperkenalkan, selaras dengan perubahan landskap ekonomi negara termasuk kemunculan industri berasaskan inovasi, tenaga lestari, teknologi maklumat dan ekonomi digital. Klasifikasi ini adalah selaras dengan versi terkini *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 5*. MSIC 2025 merupakan kerangka standard baharu bagi pengelasan jenis aktiviti ekonomi di Malaysia yang akan menggantikan klasifikasi MSIC 2008 Versi 1.0 yang telah digunakan sejak 17 tahun lalu.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, berkata, "Analisis Banci Ekonomi 2026 akan disusun sehingga peringkat **granular** yang merangkumi data mengikut **daerah, mukim dan jenis aktiviti ekonomi**. Pendekatan ini membolehkan analisis ekonomi yang lebih mendalam dan bersifat setempat, sejajar dengan prinsip "**no one and no place left behind**" dalam pembangunan sosioekonomi. Penyertaan semua pertubuhan termasuk di kawasan bandar dan luar bandar seperti Sabak Bernam amat penting bagi memastikan data yang dihasilkan tepat, boleh dipercayai, dan mencerminkan kepelbagaian ekonomi sebenar. Data ini akan menjadi asas strategik bagi dasar pembangunan, pemeraksanaan industri dan keadilan pembangunan antara bandar dan luar bandar"

Kaedah pengumpulan data bagi pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 akan dilaksanakan melalui empat pendekatan utama untuk memastikan ketepatan dan keberkesanan proses pengumpulan maklumat. Kaedah tersebut merangkumi pengisian borang secara atas talian (e-BE), penghantaran borang melalui pos, komunikasi menggunakan e-mel atau telefon, serta temu bual secara bersemuka.

Selaras dengan tema "Data Nadi Ekonomi Rakyat", BE 2026 memberikan manfaat kepada rakyat dan negara seperti maklumat pasaran terkini bagi perancangan perniagaan, penanda aras prestasi industri dan wilayah, menilai daya saing pertubuhan PMKS, Bumiputera, belia dan milikan wanita serta analisis ekonomi granular sehingga peringkat daerah. DOSM menyeru semua pertubuhan perniagaan dan pertubuhan tidak berasaskan keuntungan untuk memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang tempoh banci bagi memastikan keberhasilan statistik yang tepat dan berkualiti demi kemajuan ekonomi negara.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
14 DISEMBER 2025**